



**GUNI** berisi benih kerang yang dirampas dalam cubaan menyeludup bekalan itu ke Thailand sebelum digagalkan Maritim Malaysia di Padang Keria, Sanglang.

# 1.5 tan benih kerang gagal diseludup

UM 22/06/23 M/S 7

**ALOR SETAR:** Agensi Pengawas Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Kuala Kedah menggagalkan cubaan menyeludup 1.5 tan benih kerang menggunakan bot gentian kaca di kedudukan 0.5 batu nautika timur pesisir Padang Keria, Sanglang, 4.14 petang semalam.

Pengarah Zon Maritim Kuala Kedah, Komander Maritim Noor Azreyanti Ishak berkata, tangkapan ke atas seorang lelaki warga

tempatan bersama bot tanpa nombor pendaftaran dilakukan semasa rondaan rutin Op Aman di sekitar perairan Kuala Kedah.

Katanya, bot berkenaan terlebih dahulu dikesan bergerak dalam keadaan mencurigakan menuju ke Thailand sebelum memecut apabila menyedari kehadiran pihak berkuasa.

“Melihat keadaan itu, pihak kami mengejar dan berjaya menahan bot tersebut. Pemeriksaan

dijalankan mendapati bot itu membawa kira-kira 100 guni benih kerang bernilai kira-kira RM10,000 yang dipercayai cuba diseludup ke Thailand,” katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, kesemua benih kerang bersama bot dan enjin dibawa ke Jeti Zon Maritim Kuala Kedah untuk tindakan lanjut di bawah Akta Perikanan, Perkara 4(3) Peraturan Perikanan (Pemulihan dan Kultur Kerang 2002).